

IQRA'

Bil. 4/2022
APRIL

eISBN : 2735-1920



**Majlis Sanjungan Budi Ketua Pustakawan
Ts. Noor Hidayat bin Adnan**
PTAR Shah Alam - muka 4




**Program Khidmat Masyarakat: Kongsy
Rezeki Bubur Lambuk & Pek Ramadan**
PTAR Jasin - muka 14



**Live@PTAR: Tazkirah Ramadan -
Keutamaan 10 malam Terakhir Ramadhan**
PTAR Kuala Terengganu - muka 17



Jom Baca Bersama 10 Minit@PTDI
PTAR Segamat - muka 30



Quran Hour@PST
PST Shah Alam - muka 38

PROMOSI@PTAR

BOOK DELIVERY SERVICE
We deliver the requested book to your doorstep.

KOLEKSI NOVEL
Pilihan-gemilang novel daripada beribu penulis terkenal, terdapat popular serasi hiburan keluarga.



Disediakan oleh: Nor Azelea Mohd Azahar



Bersempena dengan Ramadhan bagi tahun 1443H, beberapa aktiviti telah dirangka untuk menghidupkan lagi sinar Ramadhan Al-Mubarak pada tahun ini di UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang. Oleh yang demikian, Unit Hal Ehwat Islam dengan kerjasama Perpustakaan Tun Dr. Ismail akan mengadakan pameran maya yang bertajuk Fiqh Puasa.

Pameran maya Fiqh Puasa ini dijalankan untuk berkongsi pelbagai maklumat serta meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan penghayatan mengenai erti puasa sepanjang bulan Ramadan

Pameran ini disusun dan direka letak oleh pelajar latihan industri dari Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia dan dibantu oleh Puan Nurrul Iza Ibrahim, Pembantu Pustakawan selaku editor.

Sila klik pautan ini untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pameran Fiqh Puasa:
<https://bit.ly/PameranMayalhyaRamadan>

Semoga maklumat yang disampaikan dalam pameran ini bermanfaat kepada semua yang membacanya.